



UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN  
PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA  
(MAMPU)

# PELAN STRATEGIK ICT (PSICT) MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH (MPAG)

2019 – 2023

ALOR GAJAH  
DINAMIK . PROGRESIF . HOLISTIK

## **Dengan Kerjasama**

Unit Permodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)  
Jabatan Ketua Menteri Melaka

## **Hak Cipta Terpelihara**

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

## **Diterbitkan Oleh:**

Bahagian Teknologi Maklumat  
Majlis Perbandaran Alor Gajah  
78000 Alor Gajah,  
Melaka

## KANDUNGAN

Perutusan Yang Dipertua, MPAG	I
Perutusan Pengarah Projek	III
Perutusan Pengurus Projek	V
Penghargaan	VI
1. Pengenalan	1
2. Carta Organisasi Pasukan Projek	2
3. Skop	3
4. Metodologi	3
5. Visi Dan Misi ICT	4
6. Teras Strategik Dan Objektif Teras Strategik ICT	5
7. Penjajaran Teras Strategik ICT Dengan Teras Strategik Majlis Perbandaran Alor Gajah	7
8. Pemetaan Teras Strategik ICT Majlis Perbandaran Alor Gajah Dengan Teras Strategik PSICT Sektor Awam	8
9. Strategi Dan Program ICT	9
10. Pelan Tindakan	10
11. Pelan Pelaksanaan	15
12. Penutup	16

## PERUTUSAN YANG DIPERTUA, MPAG



Bismillahirrahmanirrahim;

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera;

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah kurnia dan keizinan Nya, Pelan Strategik Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) yang kedua bagi tempoh 2019-2023 telah berjaya diterbitkan. Pelan Strategik ini adalah sebagai merangka asas kerja dan tindakan yang menjadi panduan kepada seluruh warga MPAG dalam merancang, mengurus, melaksana dan memantau pelaksanaannya.

Pelan strategik ini disediakan untuk memberikan hala tuju strategik ICT dan rangka kerja yang diperlukan untuk meningkatkan sistem perkhidmatan elektronik yang menuju ke arah perkhidmatan awam yang lebih cekap, meningkatkan produktiviti dan penyampaian perkhidmatan selaras dengan keperluan strategi perkhidmatan di MPAG serta Agensi Kerajaan Negeri Melaka dalam memenuhi keperluan semasa serta sejajar dengan Dasar Pembangunan Negeri Melaka yang melibatkan misi Dasar Gaya Hidup Digital dalam Bandar Pintar untuk menjadikan bandar Alor Gajah dan Negeri Melaka sebagai peneraju pembudayaan penggunaan teknologi ICT dalam kehidupan seharian.

Objektif penyediaan bertujuan menyediakan satu rangka kerja ICT yang komprehensif bagi tempoh lima tahun yang akan datang bermula dari tahun 2019 hingga 2023 serta hanya dapat dicapai melalui sokongan padu daripada semua warga kerja MPAG yang sentiasa menunjukkan semangat kerjasama yang tinggi, proaktif dan responsif dengan mengambil kira kehendak pengurusan MPAG dan para pelanggan yang sentiasa menginginkan sesuatu yang terbaik daripada pihak Majlis.

Saya amat berkeyakinan bahawa semua wargakerja MPAG dapat menjayakan Pelan Strategik yang telah digariskan ini dalam merealisasikan MPAG sebagai perbandaran mampan kearah teknologi hijau. Akhir sekali saya merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua wargakerja yang terlibat dalam penyediaan Pelan Strategik ini.



**ZAMZURI BIN ARIFFIN**

## PERUTUSAN PENGARAH PROJEK



Bismillahirrahmanirrahim;  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan  
Salam Sejahtera;

Pelan Strategik ICT (PSICT) Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG 2019-2023) merupakan satu dokumen yang menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan ICT bagi tempoh 5 tahun akan datang. Ia memberi penekanan kepada kecekapan, produktiviti dan inovasi ICT bagi tujuan memperkasa dan memaksimumkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat di Alor Gajah dan Negeri Melaka amnya.

Pelan ini dapat membantu Majlis mengenal pasti pelbagai isu, cabaran, kekuatan dan kelemahan pembangunan ICT dalam mewujudkan aplikasi yang bersepadu, cekap dan berkesan menerusi perkembangan teknologi terkini bagi menghasilkan sistem penyampaian Majlis yang bertaraf antarabangsa.

Pelbagai projek/projek ICT yang akan dibangunkan merangkumi empat teras yang dibentuk iaitu Pengukuhan Infrastruktur dan Keselamatan ICT, Pemerksaan Aplikasi Penyampaian Perkhidmatan, Pengukuhan Keupayaan ICT Dalam Penyampaian Perkhidmatan dan Pengukuhan Tadbir Urus ICT bertujuan memudahkan rakyat mengakses perkhidmatan Majlis secara selamat melalui pebagai saluran digital,

meningkatkan penglibatan rakyat dalam menambah baik perkhidmatan Majlis di samping menumpukan infrastruktur Majlis bagi menggalakkan perkongsian sumber dan menjimatkan kos serta penyampaian yang inklusif serta mesra rakyat.



**ZAINUL ADNAN BIN MOHD SAID**



## PERUTUSAN PENGURUS PROJEK

Bismillahirrahmanirrahim;

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera;

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya, Majlis Perbandaran Alor Gajah telah berjaya menyiapkan dokumen Pelan Strategik ICT (PSICT) Majlis Perbandaran Alor Gajah bagi tempoh 2019-2023 dengan jayanya.



Dokumen PSICT MPAG 2019-2023 ini adalah dokumen rujukan yang akan sentiasa dikemaskini dan disemak dalam tempoh lima tahun pelaksanaannya. Inisiatif-inisiatif strategik akan ditambah dan diubah sejajar dengan persekitaran strategik dan keutamaan Jabatan serta perkembangan Teknologi ICT yang terkini.

Di kesempatan ini, saya merakamkan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbang idea dan kepakaran bagi menyediakan dan menghasilkan Pelan Strategik ICT (PSICT) Majlis Perbandaran Alor Gajah 2019-2023 ini. Adalah diharapkan agar komitmen dan jalinan kerjasama padu daripada semua warga kerja Majlis Perbandaran Alor Gajah dapat merealisasikan dan memantapkan halatuju strategik ICT yang telah dimuktamadkan melalui pelan ini untuk menjayakan aspirasi ke arah perkhidmatan yang cekap dan inovatif ke arah usaha merakyatkan perkhidmatan digital.



**NUR IDHAM BIN IDRIS**



## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Ketua Menteri Melaka kerana memberi peluang kepada Majlis Perbandaran Alor Gajah untuk terlibat sama dalam pembangunan Pelan Strategik ICT (PSICT) Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) 2019-2023. Tidak lupa juga penghargaan ini diberikan kepada Yang Dipertua, Tuan Zamzuri bin Arifin, Setiausaha, Encik Zainul Adnan bin Mohd Said dan Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, Encik Azizan bin Sulong kerana turut memberi sokongan padu kepada pembangunan PSICT ini. Selain itu, sekalung penghargaan turut diberikan kepada Pasukan Perunding Strategik ICT Sektor Awam, MAMPU yang diketuai oleh YBhg. Dr. Fazidah binti Abu Bakar serta ahli pasukan beliau iaitu Puan Siti Sapura binti Raffee, Puan Rozaida binti Mohd Darus, Puan Suhaiza binti Sudirman serta Puan Nur Nuha binti Mohd Yusoff yang banyak memberikan tunjuk ajar dan khidmat nasihat dalam projek ini. Penghargaan juga kepada pasukan Bahagian Teknologi Maklumat MPAG terdiri daripada Encik Nur Idham bin Idris, Puan Noorhayati binti Mohamed Isa, Puan Nur Elyani binti Ramli dan Puan Rosliza binti Md Jani serta Encik Mohd Fuad bin Mushrik Jabatan Kewangan MPAG.

Sokongan dan penghargaan terima kasih kepada pihak urusetia daripada Pejabat Pengurusan Projek (PMO) iaitu Puan Siti Nurirdawaty binti Omar, Puan Yusnizah binti Yahya, Cik Pavala a/p Kannan, Cik Nurul Farhana binti Zulkiflee, Encik Nor Anuar bin Masaod serta Puan Nur Nabila Huda binti Rosman yang sentiasa memastikan perjalanan dan penyelarasan projek ini mengikut jadual yang dirancang, di samping memberikan kerjasama yang padu dalam merealisasikan penghasilan dokumen PSICT ini.

Penghargaan terima kasih dan tahniah kepada semua ahli pasukan projek yang telah memberikan kerjasama, idea dan komitmen dalam penghasilan PSICT MPAG 2019-2023 ini. Semangat berpasukan yang telah ditunjukkan perlu dikekalkan bagi menjamin kelangsungan projek yang dirancang. Semoga dokumen PSICT ini dapat dijadikan sebagai sumber rujukan utama dalam merancang pelaksanaan strategi dan program ICT di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

## 1. PENGENALAN


Pembangunan Pelan Strategik ICT (PSICT) Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) 2019-2023 digubal secara dalaman oleh Pasukan Pembangunan PSICT MPAG, yang telah dilantik dan terdiri daripada warga kerja Majlis Perbandaran Alor Gajah dan 14 buah Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri dengan kerjasama Pasukan Perunding ICT Sektor Awam, MAMPU.

PSICT MPAG 2019-2023 mengambil masa selama 11 bulan untuk digubal sepenuhnya dan dimuktamadkan iaitu bermula Januari 2018 sehingga November 2018. Sepanjang tempoh tersebut, beberapa siri mesyuarat dan bengkel telah diadakan untuk mengumpul maklumat yang diperlukan bagi penyediaan dokumen PSICT sehingga siap sepenuhnya.

Pelan strategik ini merupakan hasil daripada kajian serta semakan semula terhadap pelan sebelumnya iaitu Pelan Strategik ICT Majlis Perbandaran Alor Gajah, 2014-2018. Sebagai rujukan utama perancangan strategik ICT Kerajaan Negeri Melaka, dokumen PSICT mengandungi hala tuju, strategi dan rangka kerja bagi perancangan dan pembangunan ICT Kerajaan Negeri Melaka.

## 2. CARTA ORGANISASI PASUKAN PROJEK

Satu pasukan kerja yang bernaung di bawah Jawatankuasa Pemandu ICT Negeri Melaka yang dipengerusikan oleh Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri telah dibentuk untuk memastikan pembangunan PSICT ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Carta organisasi projek yang telah diluluskan adalah seperti di **Rajah 1**.



**Rajah 1: Carta Organisasi Pasukan Projek PSICT Jabatan/ Agensi Kerajaan Negeri Melaka 2019-2023**


### 3. SKOP

Skop PSICT MPAG 2019-2023 dibangunkan berdasarkan keperluan ICT yang merangkumi empat bidang seperti berikut:

- (i) Infrastruktur ICT (Pusat Data, Rangkaian, Keselamatan dan Peralatan);
- (ii) Sistem Aplikasi;
- (iii) Keupayaan ICT; dan
- (iv) Tadbir Urus ICT

### 4. METODOLOGI PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK ICT

Metodologi ASF (Analisis, Strategi ICT dan Formulasi) telah digunapakai untuk mengetahui keperluan bisnes MPAG dan diterjemahkan bagi menentukan keperluan ICT MPAG bagi tempoh lima tahun (2019-2023) seperti di **Rajah 2**.



Rajah 2: Metodologi ASF



Aktiviti utama dalam fasa pembangunan PSICT MPAG 2019-2023 adalah seperti berikut:

- (i) Fasa 1(Analisis) : Penilaian persekitaran semasa bisnes dan ICT;
- (ii) Fasa 2 (Strategi) : Pembangunan hala tuju strategik ICT;
- (iii) Fasa 3 (Formulasi) : Pembangunan pelan pelaksanaan ICT; dan
- (iv) Penyediaan dokumen PSICT

## 5. VISI DAN MISI ICT



**Rajah 3: Visi dan Misi ICT Majlis Perbandaran Alor Gajah**

## 6. TERAS STRATEGIK DAN OBJEKTIF TERAS STRATEGIK ICT

Majlis Perbandaran Alor Gajah telah menetapkan empat teras strategik ICT untuk memacu hala tuju ICT sebagaimana yang ditetapkan menerusi Visi dan Misi ICT Majlis Perbandaran Alor Gajah. Teras Strategik ICT adalah seperti di **Rajah 4**, manakala objektif bagi setiap teras strategik adalah seperti di **Jadual 1**.

**Rajah 4: Teras Strategik ICT Majlis Perbandaran Alor Gajah**



## Jadual 1: Objektif Teras Strategik Majlis Perbandaran Alor Gajah

### TERAS STRATEGIK 1

#### Pengukuhan Infrastruktur dan Keselamatan ICT

- Pemantapan rangkaian pejabat dan peningkatan keselamatan
- Pemerkasaan pusat data dan pemulihan bencana
- Pengukuhan kemudahan ICT berciri ICT Hijau

### TERAS STRATEGIK 2

#### Pemerkasaan Aplikasi Penyampaian Perkhidmatan

- Pembangunan aplikasi teras
- Penambahbaikan aplikasi teras dan sokongan
- Pengintegrasian data aplikasi teras

### TERAS STRATEGIK 3

#### Pengukuhan Tadbir Urus ICT

- Memantapkan pengurusan ICT supaya lebih teratur dan efisien
- Mengukuhkan dasar dan polisi ICT yang menyokong kehendak MPAG

### TERAS STRATEGIK 3


#### Pengukuhan Keupayaan ICT Dalam Penyampaian Perkhidmatan

- Meningkatkan pengetahuan dan kemampuan ICT warga kerja
- Membudayakan penyampaian digital yang berhemah dan berkesan



## 7. PENJAJARAN TERAS STRATEGI ICT DENGAN TERAS STRATEGI MAJLIS PERBANDARAAN ALOR GAJAH


Hubungan di antara Teras Strategik ICT dengan Teras Strategik Majlis Perbandaran Alor Gajah disesuaikan seperti dalam **Rajah 5**.



**Rajah 5: Penjajaran Teras Strategik Majlis Perbandaran Alor Gajah Dengan Teras Strategik ICT Majlis Perbandaran Alor Gajah**

## 8. PEMETAAN TERAS STRATEGIK ICT MAJLIS PERBANDARAAN ALOR GAJAH DENGAN TERAS STRATEGIK PSICT SEKTOR AWAM

Pemetaan Teras Strategi ICT Majlis Perbandaran Alor Gajah kepada Teras Strategik Pelan Strategik ICT Sektor Awam adalah seperti di **Rajah 6**.



**Rajah 6: Pemetaan Teras Strategik ICT Majlis Perbandaran Alor Gajah Kepada Teras Strategik PSICT Sektor Awam**

## 9. STRATEGI DAN PROGRAM ICT

Berpandukan **empat Teras Strategik ICT** yang dibentuk, sebanyak **10 Strategi ICT** dan **29 Program ICT** telah dikenal pasti. Strategi ini adalah selari dengan perancangan pelaksanaan ICT untuk mengatasi isu ICT semasa dan memacu ke arah kecemerlangan sistem penyampaian Majlis Perbandaran Alor Gajah berteraskan ICT. Strategi ICT mengikut teras adalah seperti di **Jadual 2**.

**Jadual 2: Strategi ICT Mengikut Teras**

Teras Strategik	Strategi ICT	Bilangan Program
Pengukuhan Infrastruktur dan Keselamatan ICT	1. Pemantapan rangkaian pejabat dan peningkatan keselamatan	9
	2. Pemeraksanaan pusat data dan pemulihan bencana	
	3. Pemantapan infrastruktur ICT	
Pemeraksanaan Aplikasi Penyampaian Perkhidmatan	1. Pembangunan aplikasi teras	10
	2. Penambahbaikan aplikasi teras dan sokongan	
	3. Pengintegrasian data aplikasi teras	
Pengukuhan Tadbir Urus ICT	1. Pemantapan pengurusan ICT	6
	2. Pengukuhan dasar dan polisi ICT yang menyokong kehendak MPAG	
Pengukuhan Keupayaan ICT Dalam Penyampaian Perkhidmatan	1. Peningkatan pengetahuan dan kemampuan ICT warga kerja	4
	2. Pembudayaan penyampaian digital yang berhemah dan berkesan	

## 10. PELAN TINDAKAN

Teras 1. Pengukuhan Infrastruktur dan Keselamatan ICT		
Bil.	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)
1.	Penstrukturan pendawaian rangkaian bilik <i>server</i>	<b><u>Jun 2019</u></b>  Penstrukturan pendawaian rangkaian bilik <i>server</i> dilaksanakan
2.	<i>Monitoring System</i> dan Keselamatan Rangkaian dan <i>server</i> (NMS)	<b><u>Jun Setiap Tahun (2020-2023)</u></b>  <i>Monitoring System</i> Rangkaian dan <i>Server</i> (NMS) dilaksanakan
3.	Penyediaan VPN di antara pejabat utama, pejabat cawangan dan nursery	<b><u>Jun 2022</u></b>  VPN diguna pakai
4.	Naik taraf antivirus	<b><u>Mac Setiap Tahun</u></b>  Instalasi antivirus baharu dilaksanakan
5.	Naik taraf peralatan rangkaian	<b><u>Dis 2019</u></b>  Peralatan rangkaian IPV6 dan 1000 Mbps dinaik taraf
6.	Langganan perisian perancangan kapasiti storan	<b><u>Dis Setiap Tahun (2021-2023)</u></b>  Perisian perancangan kapasiti storan dilanggan
7.	UPS dan <i>server</i> pengujian <i>data backup</i>	<b><u>Jun 2021</u></b>  Sekurang-kurangnya Satu (1) perolehan UPS dan <i>server</i> pengujian <i>data backup</i>

### Teras 1: Pengukuhan Infrastruktur dan Keselamatan ICT

Bil.	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)
8.	Naik taraf kemudahan wi-fi	<b><u>Jun 2021</u></b> Sekurang-kurangnya satu (1) perolehan UPS dan <i>server</i> pengujian data <i>backup</i>
9.	Peningkatan infrastruktur ICT selaras dengan teknologi terkini	<b><u>Sept Setiap Tahun</u></b> Perolehan komputer peribadi dan riba

### Teras 2: Pemerksaan Aplikasi Penyampaian Perhidmatan

Bil.	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)
1.	Pembangunan Sistem Permohonan Lesen Online (Kategori Tidak Berisiko Tinggi & Gerbang Bayaran MPAG)	<b><u>Jun 2019</u></b> Pelaksanaan Sistem Permohonan Lesen Online & Gerbang Bayaran MPAG
2.	Pembangunan Sistem Penguatkuasa & Undang-undang	<b><u>Dis 2019</u></b> Pelaksanaan Sistem Penguatkuasa & Undang-undang
3.	Pembangunan <i>Mobile Collection System</i>	<b><u>Jun 2020</u></b> Pelaksanaan <i>Mobile Collection System</i>



Teras 2: Pemerkasaan Aplikasi Penyampaian Perhidmatan		
Bil.	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)
4.	Pembangunan Sistem eBangunan	<u>Dis 2020</u> Pelaksanaan Sistem eBangunan
5.	Menaik taraf Sistem GIS Bersepadu	<u>Dis 2021</u> Pelaksanaan Sistem GIS Bersepadu
6.	Pembangunan Sistem Pengurusan Kejuruteraan	<u>Jun 2022</u> Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kejuruteraan
7.	Naik taraf Sistem FinIS 2.0	<u>Dis 2019</u> Sistem FinIS 2.0 di naik taraf
8.	Naik taraf sistem inventori aset.	<u>Jun 2021</u> Sistem Inventori Aset dinaik taraf
9.	Migrasi pangkalan data Oracle kepada Ms SQL Server	<u>Jun 2020</u> Pelaksanaan Migrasi pangkalan data Oracle kepada Ms SQL Server
10.	Peningkatan integrasi dan analisa data (EIS 3.0) - FinIS 2.0 - Avis - eKaunter	<u>Dis 2021</u> Pelaksanaan integrasi antara sistem  - FinIS 2.0 - Avis - eKaunter

### Teras 3: Pengukuhan Tadbir Urus ICT


Bil.	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)
1.	Penstrukturan Bahagian Teknologi Maklumat MPAG	<b><u>Apr 2020</u></b>  Satu permohonan penstrukturan dibentangkan pada pihak pengurusan
2.	Perancangan program ICT yang berimpak besar - PSICT	<b><u>Dis setiap tahun</u></b>  Satu laporan dibentangkan
3.	Kajian semula Pelan Strategik ICT MPAG 2019 – 2023	<b><u>Dis setiap tahun</u></b>  Satu laporan dibentangkan
4.	Penambahbaikan SOP Bahagian Teknologi Maklumat	<b><u>Mac 2020</u></b>  Satu SOP <i>Backup Restore</i> ditambah baik
5.	Penguatkuasaan Prosedur Ms ISO 9001:2015 - SOP Pinjaman Peralatan	<b><u>Dis setiap tahun</u></b>  Memastikan tiada permohonan yang tidak mengikut ISO
6.	Pewujudan Polisi Penyediaan kandungan Portal	<b><u>Mac 2019</u></b>  Satu Polisi Penyediaan kandungan Portal



#### Teras 4: Pengukuhan Keupayaan ICT Dalam Penyampaian Perkhidmatan

Bil.	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)
1.	Pelaksanaan latihan ICT berkala kepada Warga MPAG	<p><b><u>Mac setiap tahun</u></b></p> <p>Latihan siri satu (1) dilaksanakan</p> <p><b><u>Sept setiap tahun</u></b></p> <p>Latihan siri dua (2) dilaksanakan</p>
2.	Pelaksanaan latihan ICT berkala kepada staf teknikal ICT	<p><b><u>Dis setiap tahun</u></b></p> <p>Dua orang staf mengikuti latihan</p>
3.	Perlaksanaan <i>Technology Update</i> kepada staf teknikal ICT	<p><b><u>Jan &amp; Nov setiap tahun</u></b></p> <p>Dua sesi <i>Technology Update</i></p>
4.	<p>Pelaksanaan kempen kesedaran warga dan komuniti</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-portal MPAG</li> <li>-mel elektronik</li> <li>-media sosial</li> </ul>	<p><b><u>Jun setiap tahun</u></b></p> <p>Satu hebahan dilaksanakan</p> <p><b><u>Dis setiap tahun</u></b></p> <p>Satu hebahan dilaksanakan</p>

## 11. PELAN PELAKSANAAN



**Rajah 7: Pelan Pelaksanaan Strategi ICT Majlis Perbandaran Alor Gajah Mengikut Tahun**

## 12. PENUTUP

Pelan Strategik ICT Majlis Perbandaran Alor Gajah 2019-2023 merupakan satu dokumen *blueprint* pembangunan ICT dalam mengoptimumkan penggunaan ICT di Majlis Perbandaran Alor Gajah bagi mencapai hala tuju dan objektif strategik MPAG.

Adalah diharapkan PSICT yang dibangunkan ini, dapat dihayati dan difahami oleh semua kakitangan ICT khususnya dan semua warga MPAG amnya bagi memastikan kejayaan pelaksanaannya dan merealisasikan hasrat mentransformasikan penyampaian perkhidmatan menerusi teknologi maklumat dan komunikasi.

Pelan Pelaksanaan PSICT ini memerlukan pemantauan dan kajian semula secara berkala bagi memastikannya relevan dan selaras dengan hala tuju baharu dan perubahan dalam persekitaran bisnes MPAG.